

# Caj ikut kadar orang awam jika ke wad lebih tinggi

DARI MUKA 1

Beliau berkata, kelayakan wad untuk pegawai pengu- rusan tertinggi Gred 45 hing- ga 54 ialah Kelas 1 bilik se- orang, Gred 31-44 (Kelas 1 bilik berdua), Gred 21-30 (Kelas 1 bilik bertiga) dan Gred 1-20 (Kelas 2).

Kelayakan untuk anggota keluarga dan ibu bapa sah juga berdasarkan kelayakan yang ditetapkan kepada pe- gawai awam berkenaan, ma- nakala kelayakan wad untuk pesara dan anggota keluarga mereka pula berdasarkan gred hakiki terakhir pegawai sebelum bersara.

Ketika ini, perkhidmatan awam mempunyai 1.2 juta ka- kitangan dan pesara seramai 450,000 orang.

Ismail berkata, jika pegawai

## INFO Caj rawatan hospital sehari bagi seorang pesakit

Kelas Wad	Caj sehari bagi seorang pesakit		
	Awam/swaste	Kerajaan/Pesara	Warganegara asing
1 (1 katil)	80.00	10.00/5.00	160.00
1 (2 katil)	40.00	8.00/4.00	115.00
1 (4 katil/lebih)	30.00	6.00/3.00	80.00
2	20.00	3.00/1.50	60.00
3	3.00	Percura	40.00

awam, pesara, anggota keluar- ga atau ibu bapa sah meminta untuk dimasukkan ke wad yang lebih tinggi daripada ke- layakan yang ditetapkan, pe- gawai awam atau pesara itu perlu membayar bayaran wad mengikut kadar dikenakan ke atas orang awam.

"Pegawai dan pesara juga dikehendaki membayar de- posit sebelum dimasukkan

ke wad yang lebih tinggi me- ngikut kadar yang ditetap- kan," katanya.

Beliau berkata, dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan itu, perenggan C2 berkaitan kelayakan dan kadar bayaran wad di Lam- piran C8 Pekeliling Perkhid- matan Bilangan 4 Tahun 2002, perenggan 11 berkaitan kadar bayaran wad sehari di

Lampiran O Pekeliling Per- khidmatan Bilangan 10 Ta- hun 1991, dan Bahagian J ber- kaitan permohonan perbe- lanjaan bagi rawatan di luar negeri di Lampiran B Peke- liling Perkhidmatan Bila- ngan 21 Tahun 2009 adalah dibatalkan.

Ismail berkata, peruntu- kan pekeliling perkhidmatan itu pada keseluruhannya tu- rut dipanjangkan kepada se- mua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Ber- kanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sementara itu, Presiden Cuepacs, Omar Osman, ke- tika dihubungi merayu su- paya ibu bapa golongan pe- sara turut diberi pengecua- lian kerana ia tidak membabitkan kos tinggi un- tuk ditanggung kerajaan.

Berita Harian 11/05/2010 M/S 1

# Caj wad dimansuh

Kakitangan, pesara awam dikecuali bayaran di hospital kerajaan mulai 1 April

**K**UALA LUMPUR: Kakitangan dan pesara perkhidmatan awam yang mendapat rawatan di hospital kerajaan, tidak akan dikenakan bayaran wad, berkuat kuasa 1 April ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam, berkata menurut Pe- keliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2010 yang dikeluarkan Jabatan Perkhidma-

tan Awam, pemansuhan bayaran itu turut terpakai untuk anggota keluarga dan ibu bapa mereka.

"Pemansuhan bayaran wad itu juga tidak menjejaskan kelayakan wad yang ditetapkan untuk pegawai berdasarkan gred pegawai," katanya dalam satu kenyataan, semalam.